

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKBAR ANDA

RABU, 24 MAC, 1982

PENTADBIRAN CEKAP, BERSIH DAN AMANAH

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

SETELAH pengumuman mengenai tarikh pembubaran Parlimen (29 Mac), penamaan calon (7 April) dan hari mengundi (22 April), demam pilihanraya kini bertukar dari ramalan dan spekulasi mengenai tarikh-tarikh penting tersebut kepada calon-calon yang akan bertanding — atau digugurkan. Tetapi bagi mereka yang berharap untuk menjadi calon Barisan Nasional, kemungkinannya tidaklah begitu mudah dan jelas kali ini.

Sesungguhnya pilihanraya kali ini — yang ketujuh bagi negara — amat penting bagi Barisan Nasional amnya dan bagi Pentadbiran 2M khususnya. Bagi Barisan Nasional ia merupakan ujian besar kepercayaan rakyat selanjutnya untuk membolehkannya meneruskan dasar-dasar dan rancangannya membangun rakyat dan negara. Bagi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ia penting kerana kemenangan Barisan Nasional merupakan mandat yang langsung baginya memegang teraju pimpinan negara. Untuk semuanya ini kemenangan

majoriti besar seperti di masa-masa lalu — atau lebih jika mungkin — adalah mustahak.

Inilah sebabnya maka pemilihan calon-calon Barisan Nasional kali ini tidak begitu mudah. Pemilihan tentulah berdasarkan kemungkinan calon berkenaan menang dan juga keupayaannya berfungsi sebagai anggota Kerajaan yang cekap, bersih dan amanah. Jadi, selain dari kepopulærannya di kawasan pilihanrayanya calon berkenaan juga mestilah mempunyai kualiti-kualiti cekap, bersih dan amanah itu dalam dirinya.

Pertanda jelas dari bentuk pemilihan calon Barisan Nasional kali ini ialah penggantungan semua mesyuarat bahagian UMNO yang masih belum mengadakannya. Biasanya, kecuali dalam beberapa kes istimewa, jawatan ketua bahagian merupakan pasport untuk menjadi calon. Tetapi dengan penggantungan mesyuarat-mesyuarat itu jelaslah kebiasaan itu akan bertukar. Ja-

dinya jawatan parti, golongan-golongan lama atau muda tidak lagi menjadi ukuran. Yang penting ialah tiga kualiti yang disebutkan tadi. Tanda-tanda menunjukkan dasar yang sama juga digunakan untuk calon lain-lain anggota Barisan Nasional.

Sesungguhnya bagi menjamin persembungan kuasa untuk Barisan Nasional dan supaya dasar dan rancangan Kerajaan sekarang berterusan, kualiti ini memanglah penting. Di tengah kesedaran dan harapan rakyat yang semakin meningkat, cuma calon-calon yang mempunyai kualiti-kualiti tersebut saja yang akan mendapat kepercayaan, Pentadbiran yang benar-benar mengamalkannya saja yang mampu menepati segala dasar dan rancangan dan juga yang akan terus diberi mandat oleh rakyat. Tidak syak lagi cara pemilihan calon begini akan menimbulkan banyak rasa tidak puas hati. Tetapi ia mestilah dibenamkan jika harapan kemenangan Barisan Nasional hendak dicapai.